



LAPORAN TAHUNAN

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PERLIS

2021



KANDUNGAN

1
Latar Belakang Jabatan
2
Dasar Alam Sekitar Negara
3
Visi, Misi, Strategi
4
Piagam Pelanggan
5
Prakata

BAB 1: PENTADBIRAN & KEWANGAN

7
Struktur Organisasi
8
Fungsi Bahagian
9
Perjawatan
11
Pembangunan Sumber Manusia
12
Kewangan

BAB 2: PEMBANGUNAN & PENILAIAN ALAM SEKITAR

14
Penilaian Awal Tapak
15
Pemberitahuan Bertulis & Notifikasi Kelulusan Bertulis
16
Pemprosesan Lesen Premis Yang Ditetapkan
17
Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling
17
Penguatkuasaan Projek EIA
19
Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015

BAB 3: KAWALAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR

21
Aduan Pencemaran & Hotspot
22
Program Pencegahan Pembakaran Terbuka
24
Kawalan & Penguatkuasaan Punca Tetap
26
Pengurusan Buangan Terjadual
29
Pemeriksaan Pelepasan Daripada Kenderaan Bermotor

BAB 4: PEMANTAUAN KUALITI ALAM SEKITAR

36
Pengawasan Kualiti Udara
38
Pengawasan Kualiti Air Sungai
40
Pengawasan Kualiti Air Tanah
41
Pengawasan Kualiti Air Marin

BAB 5: PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

45
Ceramah & Taklimat
46
Pameran
47
Sambutan Hari berkaitan Alam Sekitar
51
Program Pengumpulan Buangan Elektrik & Elektronik
52
Program Denai Sungai Kebangsaan
52
Sekolah Lestari—Anugerah Alam Sekitar
53
Rakan Alam Sekitar
54
Penerbitan
54
Latihan Industri
55
Perpustakaan

LATAR BELAKANG JABATAN

Penubuhan Jabatan ini adalah berasaskan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang diwartakan pada Mac 1974 dan dikuatkuasakan pada 15 April 1975 dengan penubuhan Bahagian Alam Sekitar di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar. Berdasarkan kepada kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, tanggal 1 September 1983, Bahagian Alam Sekitar telah dinaikkan taraf ke sebuah Jabatan sepenuhnya dan dikenali sebagai Jabatan Alam Sekitar Malaysia (JAS).



Pada tahun 1983, JAS Wilayah Utara ditubuhkan bagi mentadbir dan menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 di kawasan wilayah utara Semenanjung Malaysia merangkumi 3 negeri iaitu Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Pada tahun 1994, pengurusan alam sekitar di Negeri Perlis ditadbir di bawah seliaan JAS Kedah/ Perlis. Sejalan dengan perkembangan industri di Malaysia, akhirnya JAS Negeri Perlis telah ditubuhkan pada 24 Mac 2001 bertempat di Bangunan KWSP, Jalan Bukit Lagi, Kangar, Perlis sehingga kini. JAS Perlis kini mempunyai 33 perjawatan yang diterajui oleh Pengarah, Ts. Mohamad Fitri bin Said.

DASAR ALAM SEKITAR NEGARA

Dasar Alam Sekitar Negara (DASN) telah diwujudkan untuk meneruskan kemajuan ekonomi, sosial dan budaya serta peningkatan kualiti hidup rakyat Malaysia menerusi kesejahteraan alam sekitar dan pembangunan lestari.

Tujuan DASN adalah untuk mencapai;

1. Alam sekitar yang bersih, selamat, sihat dan produktif bagi generasi masa kini dan masa hadapan,
2. Pemuliharaan kebudayaan dan warisan semulajadi yang unik dan pelbagai dengan penyertaan berkesan semua sektor masyarakat, dan
3. Cara hidup, pola penggunaan dan pengeluaran yang lestari.

Terdapat lapan (8) prinsip di bawah DASN untuk mengharmonikan matlamat pembangunan ekonomi dengan kepentingan alam sekitar iaitu:

- **Pengawasan Alam Sekitar**
- **Pemuliharaan Ketahanan dan Kepelbagaian Alam**
- **Peningkatan Berterusan Kualiti Alam Sekitar**
- **Penggunaan Mapan Sumber-Sumber Asli**
- **Membuat Keputusan Bersepadu**
- **Peranan Sektor Swasta**
- **Komitment dan Kebertanggungjawaban**
- **Penyertaan Aktif dalam Masyarakat Antarabangsa**

DASN bertujuan mengintegrasikan pertimbangan alam sekitar ke dalam aktiviti pembangunan dan proses membuat keputusan yang berkaitan, memupuk pertumbuhan ekonomi serta kemajuan manusia jangka panjang, dan untuk melindungi dan memperbaiki alam sekitar. Ia melengkap dan menambah dimensi alam sekitar yang terkandung dalam dasar kebangsaan yang lain, seperti dasar perhutanan dan perindustrian, dan juga mengambil perhatian akan konvensyen antarabangsa mengenai kepentingan sejagat.

VISI

Pemuliharaan Alam Sekitar Untuk Kesejahteraan Rakyat

MISI

**Memastikan Pembangunan Lestari
di Dalam Proses Memajukan Negara**

STRATEGI

- ◇ Integrasi faktor alam sekitar dalam perancangan pembangunan
- ◇ Pencegahan dan kawalan pencemaran
- ◇ Promosi pendidikan dan kesedaran alam sekitar
- ◇ Kerjasama dan hubungan dua hala, serantau dan antarabangsa
- ◇ Penyertaan awam dalam pengurusan alam sekitar
- ◇ Kerjasama antara agensi persekutuan dan negeri
- ◇ Pembangunan lestari melalui pemuliharaan sumber semulajadi

PIAGAM PELANGGAN

Demuliharaan Alam Sekitar – Tanggungjawab Bersama”

Kelulusan Perancangan Projek

- Keputusan permohonan Pemberitahuan Bertulis untuk memasang sistem pengolahan efluen perindustrian, alat-alat pembakaran bahan api dan alat-alat kawalan pencemaran udara dikeluarkan dalam tempoh 3 minggu.
- Keputusan ke atas Laporan EIA (Jadual Pertama) yang lengkap dikeluarkan dalam tempoh 5 minggu.
- Keputusan ke atas Laporan EIA (Jadual Kedua) yang lengkap dikeluarkan dalam tempoh 12 minggu.
- Keputusan Permohonan Penilaian Awal Tapak bagi pembinaan kilang baru dikeluarkan dalam tempoh 2 minggu.

Penguatkuasaan

- Setiap kompaun dikeluarkan serta-merta atau dalam tempoh 1 minggu.
- Semua kes tindakan mahkamah dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya dalam tempoh 6 bulan dari tarikh penyiasatan atau tarikh kesalahan dilakukan.

Pengaduan Awam

- Semua aduan berkaitan dengan pencemaran alam sekitar akan disiasat dalam tempoh 14 hari

Pengurusan Kewangan

- Semua pungutan hasil diuruskan segera dan resit dikeluarkan serta-merta.
- Bayaran bil dibuat dalam tempoh 14 hari.

PRAKATA

dari meja Pengarah..



Ts. Mohamad Fitri bin Said

Pengarah
Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis telah berjaya menerbitkan Laporan Tahunan bagi Tahun 2021.

Penerbitan laporan tahunan ini adalah bertujuan bagi melaporkan segala aktiviti dan program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2021 oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis selaras dengan akta dan undang-undang yang diperuntukkan. Secara tidak langsung ianya dapat dikongsi dengan semua pihak terutama orang awam, badan berkanun dan swasta.

JAS Perlis merupakan sebuah agensi yang berperanan untuk mencegah, menghapus, mengawal pencemaran air, udara dan pengurusan buangan terjadual serta memperbaiki alam sekeliling yang dilaksanakan secara berterusan.

Pelbagai program pendidikan dan kesedaran telah dilaksanakan bagi memastikan semua lapisan masyarakat terutamanya di Negeri Perlis mendapat maklumat mengenai pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dan isu-isu terkini.

Akhir kata, saya merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah bersama-sama membantu JAS Perlis dalam memastikan keharmonian alam sekitar dapat dikekalkan. Sekalung ucapan tahniah dan syabas buat semua kakitangan JAS Perlis yang telah memberikan komitmen yang tinggi di atas penerbitan Laporan Tahunan 2021 ini.



BAB 1

PENTADBIRAN & KEWANGAN



STRUKTUR ORGANISASI

JAS Perlis dibahagikan kepada tiga (3) bahagian utama yang menjadi teras kepada pengurusan Jabatan iaitu Bahagian Pentadbiran & Kewangan, Bahagian Operasi I dan Bahagian Operasi II. Carta Organisasi Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis tahun 2021 adalah seperti di **Rajah 1.1**.

PENGARAH C48 Ts. Mohamad Fitri bin Said		
Bahagian Pentadbiran & Kewangan <u>Pembantu Tadbir N22</u> Nor Anida Hassan	Bahagian Penguatkuasaan I <u>Pegawai Kawalan C44/C41</u> Mohd Rosli Mohd Nor	Bahagian Penguatkuasaan II <u>Pegawai Kawalan C41</u> Nur Kamillah Md Isa
Unit Pentadbiran <u>Pembantu Tadbir N19 (P/O)</u> Munauwar Mansor Zalina Abu Seman Suyati Kamin Pembantu Tadbir (Kosong)	Unit Pembangunan/ Mahkamah/ Kontigensi/ OMPT & Aduan <u>Penolong Pegawai Kawalan Tertinggi C38</u> Mohd Sanip Saikhol Bakhri Ahmad <u>Penolong Pegawai Kawalan Kanan C32</u> Nurfitriyah Jazilahwani Othman <u>Penolong Pegawai Kawalan Kanan C32 (TBBK)</u> Mohd Jefri Zainuddin <u>Penolong Pegawai Kawalan C29</u> Rosyafarid Shamsuddin <u>Juruteknik J26</u> Azrimal Safizal Sahidin	Unit Punca Tetap (1) <u>Penolong Pegawai Kawalan Kanan C32</u> Jasni Jusoh <u>Penolong Jurutera J29</u> Faisal Abd Rahman
<u>Pembantu Operasi N11</u> Mohd Azli Md Ali		Unit Punca Tetap (2) <u>Penolong Pegawai Kawalan Kanan C32</u> Ahmad Ridzuandy Abd Razak <u>Penolong Jurutera J29</u> Zulkifii Ahmad
<u>Pemandu Kenderaan H11</u> Nazri Rejab Mohd Amir Sarifuddin Hasibullah Mohd Sharil Samsudin Pemandu (kosong)	Unit Kesedaran Awam/ Pengawasan/ GIS <u>Penolong Pegawai Kawalan Kanan C32</u> Faiizah Md Arshad <u>Penolong Pegawai Kawalan Kanan C32 (TBBK)</u> Mohd Sharizan Ismail Nor Arbainah Abdullah <u>Penolong Jurutera J29</u> Muhamad Faris Musa	Unit Punca Tetap (3) <u>Penolong Pegawai Kawalan Kanan C32 (TBBK)</u> Noorasmawati Ariffin <u>Penolong Jurutera J29</u> Ahmad Bakar
Unit Kewangan <u>Penolong Akauntan W29</u> Nora Izani Bakar Norshaniza Izani Rahimi	Unit Kenderaan Bermotor <u>Penolong Pegawai Kawalan (C29)</u> Mohd Shah Rizan Abdullah <u>Penolong Jurutera J29</u> Anuar Kasa Roslinda Hussain	

Rajah 1.1:
Carta Organisasi
Jabatan Alam Sekitar
Negeri Perlis, 2021

FUNGSI BAHAGIAN

Bahagian Pentadbiran

Unit Pentadbiran

Menguruskan pelbagai urusan pentadbiran pejabat seperti urusan perkhidmatan, pembangunan sumber manusia dan aset Jabatan.

Unit Kewangan

Memproses pelbagai urusan kewangan dan akaun serta kutipan hasil Jabatan.

Bahagian Operasi I

Unit Input Pembangunan, Kebenaran Bertulis & Lesen

Memastikan langkah-langkah pencegahan disediakan dan dilaksanakan oleh pengusaha atau penggerak projek supaya tidak memudaratkan alam sekeliling dan perubahan kepada alam sekitar akibat daripada aktiviti pembangunan. Ini termasuklah memproses permohonan Kebenaran Bertulis bagi pemasangan Alat Pembakaran Bahanapi (APB), Alat Kawalan Pencemaran Udara (AKPU) dan Notifikasi bagi pemasangan Sistem Pengolahan Efluen (SPE).

Unit Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) & Post EIA

Memproses permohonan Laporan EIA bagi aktiviti yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan)(Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015 yang mana tidak memerlukan pameran awam dan ulasan awam melainkan jika diarahkan secara bertulis, oleh Ketua Pengarah. Penguatkuasaan projek EIA adalah untuk memastikan syarat-syarat kelulusan laporan EIA yang dikeluarkan kepada pemaju projek dipatuhi sepenuhnya supaya kesan aktiviti-aktiviti pembangunan kepada alam sekeliling dapat dikawal ke arah pembangunan lestari.

Unit Mahkamah

Unit ini bertanggungjawab terhadap tugas-tugas mengurus selia kertas siasatan dan pendakwaan bagi kes yang melanggar Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 .

Kontigensi/ Operasi Mencegah Pembakaran Terbuka & Aduan

Melakukan siasatan penguatkuasaan ke atas aduan bukan punca dan operasi mencegah pembakaran terbuka termasuk kempen kesedaran pencegahan pembakaran terbuka.

Unit Kenderaan Bermotor

Menjalankan penguatkuasaan berkaitan kenderaan bermotor seperti penguatkuasaan kawalan pelepasan daripada enjin diesel, kawalan pelepasan enjin petrol dan kawalan pelepasan bunyi bising daripada motosikal.

Unit Pendidikan & Sebaran Maklumat

Memberikan pendidikan dan kesedaran mengenai alam sekitar kepada segenap lapisan masyarakat. Oleh itu, pelbagai aktiviti yang melibatkan semua pihak dirancang untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan penjagaan alam sekitar.

Unit Pengawasan

Melaksanakan aktiviti-aktiviti pengawasan merangkumi pengawasan kualiti air sungai, air bawah tanah, air marin dan udara. Tujuan utama aktiviti pengawasan ini dijalankan adalah bagi memantau kualiti alam sekitar di Negeri Perlis serta panduan kepada Jabatan dalam merangka aktiviti penguatkuasaan yang dilaksanakan di Perlis.

Bahagian Operasi II

Unit Punca Tetap

Mengawalselia operasi punca-punca industri melalui penguatkuasaan undang-undang di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 (Akta 127) dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.

PERJAWATAN

Jumlah perjawatan di JAS Perlis adalah sebanyak 33 yang merangkumi 13 jenis skim perkhidmatan yang terdiri daripada jawatan tetap jabatan, jawatan guna sama dan jawatan kader daripada Kementerian/ Jabatan yang lain. Status perjawatan di JAS Perlis pada tahun 2021 adalah seperti di **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1: Status Perjawatan di JAS Perlis, 2021

PERJAWATAN	Bil. Jawatan	Isi	Kosong	Catatan
Pengarah (PKAS) Gred C48	1	1	-	
Penolong Pengarah (PKAS) Gred C44	1	1	-	
Penolong Pengarah (PKAS) Gred C41	1	0	1	
Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C38	1	1	-	
Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C32	4	9	-	5 (TBBK)
Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C29	6	1	-	
Penolong Jurutera JA29	6	6	-	
Juruteknik Gred J22	1	1	-	
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22	1	1	-	
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19	4	3	1	
Penolong Akauntan Gred W29	1	1	-	
Penolong Akauntan Gred W19	1	1	-	
Pembantu Operasi N11	1	1	-	
Pemandu Kenderaan H11	4	3	1	
JUMLAH	33	30	3	

PEGAWAI BERSARA



Rosmorni Binti Yaakob
Pembantu Tadbir Gred N19



Sharifah Binti Shaari
Pembantu Tadbir Gred N22

Jadual 1.2: Senarai Pergerakan Keluar Masuk ke JAS Perlis, 2021


PERGERAKAN KELUAR PEGAWAI

- 1.**
Rozaimawati Binti Md Rodzi
Pembantu Tadbir Gred N19
Ke: Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Perlis
- 2.**
Hafishoh Binti Md Isa
Penolong Jurutera (Awam) Gred JA29
Ke: Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis
- 3.**
Azman Shah Bin Ismail
Pegarah Gred C48
Ke: Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang
- 4.**
Abdul Rahim Bin Daros
Penolong Pegawai Kawalan Gred C38
Ke: Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang
- 5.**
Norhayana Binti Mohamad Fikri
Penolong Akauntan Gred W29(KUP)
Ke: Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis

PERGERAKAN MASUK PEGAWAI

- 1.**
Zalina Binti Abu Seman
Pembantu Tadbir Gred N19
Dari: Jabatan Kastam Diraja Malaysia Perlis
- 2.**
Ts. Mohamad Fitri Bin Said
Pegarah Gred C48
Dari: Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang
- 3.**
Mohamad Faris Bin Musa
Penolong Jurutera (Awam) Gred JA29
Dari: Akademi Bomba Dan Penyelamat
Wilayah Tengah, Selangor
- 4.**
Mohd Sanip Saikhoh Bakhri Bin Ahmad
Penolong Pegawai Kawalan Gred C38
Dari: Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat
- 5.**
Nora Izani Binti bakar
Penolong Akauntan Gred W29(KUP)
Dari: Jabatan Pendidikan Negeri Perlis
- 6.**
Nor Anida Binti Hassan
Pembantu Tadbir Gred N22
Dari: Jabatan Tenaga Kerja Negeri Perlis


PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA



Rajah 1.3 : Carta Kursus, Bengkel dan Latihan Mengikut Kategori, 2021

Pihak pengurusan JAS Perlis sentiasa menitikberatkan aspek kemahiran bagi setiap pegawai. Atas tujuan itu, pelbagai kursus, seminar, bengkel dan juga latihan yang bersesuaian telah dihadiri oleh setiap kakitangan Jabatan ini bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan juga integriti di kalangan kakitangan.

Sebanyak 54 kursus teknikal anjuran Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) / JAS Ibupejabat, 18 kursus Bahagian Pentadbiran/Kewangan, enam (6) kursus ICT, empat (4) kolokium anjuran JAS Perlis telah dihadiri oleh kakitangan. Bilangan kursus yang dihadiri oleh kakitangan JAS Perlis sepanjang tahun 2021 seperti dalam **Rajah 1.3**.



Seramai 20 pegawai yang telah layak mendapat sijil kompetensi sehingga tahun 2021. Bilangan kompetensi yang diperolehi oleh pegawai JAS Perlis adalah seperti dalam **Rajah 1.4**.

Rajah 1.4 : Carta Bilangan Pegawai Yang Telah Kompeten Mengikut Kategori, 2021

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2020



Bahagian Operasi:
Encik Ahmad bin Bakar
Penolong Jurutera
(Elektrikal) J29



Bahagian Pentadbiran:
Encik Mohd Sharil bin Samsudin
Pemandu Kenderaan
H11

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2021



Bahagian Operasi:
Encik Mohd Sharizan bin Ismail
Penolong Pegawai
Kawalan Alam
Sekitar C29 (TBBK)



Bahagian Pentadbiran:
Puan Suyati binti Kamin
Pembantu Tadbir N17

KEWANGAN

Perbelanjaan

Pada tahun 2021, JAS Perlis telah menerima peruntukan kewangan sebanyak RM 2,162,308.00. Daripada jumlah peruntukan tersebut, sebanyak RM 2,080,200.00 adalah di bawah Peruntukan Mengurus dan RM 82,108.00 di bawah Peruntukan Pembangunan. Jumlah perbelanjaan peruntukan kewangan adalah seperti dalam **Jadual 1.3**.

Hasil

Hasil yang berjaya dikutip ialah sebanyak RM 58,450.00. Punca kutipan hasil ini adalah daripada tawaran kompaun bagi program penguatkuasaan dan pembayaran pemprosesan lesen. Sumber kutipan hasil bagi tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 1.4**.

Jadual 1.3. Peruntukan Kewangan Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis, 2021

VOT	Mengurus	Pembangunan
PERUNTUKAN DI TERIMA	RM 2,080,200.00	RM 82,108.00
PERBELANJAAN	RM 2,077,552.43	RM 82,099.00
PERATUS	99.87%	99.99%

Jadual 1.4. Jumlah Kutipan Hasil Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis, 2021

SUMBER KUTIPAN	Jumlah	Peratus
PEMBAYARAN LESEN PENCEMARAN	RM 2,600.00	4.45%
TAWARAN KOMPAUN	RM 55,800.00	95.47%
PEROLEHAN JUALAN HARTA BENDA	RM 50.00	0.09%
JUMLAH	RM 58,450.00	100%

BAB 2

PEMBANGUNAN & PENILAIAN ALAM SEKITAR




INPUT PEMBANGUNAN


JAS adalah agensi sokongan yang terlibat dalam memberi input dan pandangan secara teknikal selaras dengan bidang kuasa JAS kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang akan digunakan dalam mempertimbangkan kelulusan sesuatu cadangan pembangunan. Agensi-agensi yang bekerjasama dengan JAS Perlis bagi mendapatkan input adalah seperti Majlis Perbandaran Kangar, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Perlis, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perlis, Polis Diraja Malaysia dan beberapa agensi lain lagi.

JAS menggunakan pelbagai medium terkini serta aplikasi bagi mendapatkan maklumat dalam membuat penilaian terhadap sesuatu cadangan pembangunan yang dikemukakan oleh PBT. Lawatan tapak turut dijalankan dalam membuat penilaian selain bermesyuarat bersama agensi teknikal yang berkaitan.

Permohonan Penilaian Awal Tapak (PAT) dibahagikan kepada dua iaitu permohonan dikemukakan melalui surat dan permohonan yang dikemukakan secara dalam talian. Pada tahun 2021, sejumlah 63 permohonan melalui surat dan 34 permohonan secara dalam talian telah diterima bagi proses PAT. Jumlah permohonan PAT keseluruhannya adalah 97. Ulasan ke atas permohonan tersebut telah diberikan mengikut tempoh piagam yang ditetapkan iaitu selama satu (1) minggu. **Rajah 2.1** menunjukkan bilangan permohonan mengikut jenis bagi tahun 2021. **Rajah 2.2** menunjukkan jumlah keseluruhan notifikasi sepanjang tahun 2021 di premis – premis dalam Negeri Perlis.



Rajah 2.1 : Bilangan permohonan tahun 2021




Rajah 2.2: Tren Notifikasi sepanjang tahun 2021


PEMBERITAHUAN BERTULIS & NOTIFIKASI KELULUSAN BERTULIS

Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 menghendaki supaya pemberitahuan bertulis diperolehi terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah sebelum apa-apa sistem pengolahan kumbahan/efluen perindustrian dipasang. Manakala Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 menghendaki supaya pemberitahuan bertulis diperolehi terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah sebelum alat pembakaran bahan api dan alat kawalan pencemaran udara dipasang.

Sepanjang tahun 2021, JAS Perlis telah menerima 56 permohonan notifikasi bagi pemasangan alat pembakaran bahan api dan alat kawalan pencemaran udara. 2 permohonan notifikasi diterima bagi pemasangan sistem pengolahan kumbahan dan 2 permohonan notifikasi pemasangan sistem pengolahan efluen. Rajah 2.3 dan Rajah 2.4 menunjukkan tren permohonan kelulusan bertulis dan pemberitahuan bertulis bagi tahun 2021.



Rajah 2.3: Pecahan peratus notifikasi oleh premis sepanjang tahun 2021



Rajah 2.4: Graf pemberitahuan bertulis dan kelulusan bertulis bagi tahun 2021.

PEMROSESAN LESEN PREMIS YANG DITETAPKAN

Dua (2) permohonan pembaharuan lesen dan empat permohonan lesen baru bagi Premis Yang Ditetapkan (PYDT) telah diterima pada tahun 2021. Sejarar dengan ketetapan dan inspirasi Jabatan untuk memudah cara semua permohonan pembaharuan lesen PYDT di bawah seksyen 18 AKAS 1974, permohonan lesen baru dan permohonan pembaharuan lesen PYDT di Negeri Perlis dikemukakan secara atas talian iaitu melalui aplikasi “Business Licensing Electronic Support System” (BLESS).



LAPORAN PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING

Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) adalah suatu kajian bagi mengenalpasti, meramal dan menghuraikan akan kebaikan dan keburukan sesuatu cadangan projek pembangunan. Objektif EIA adalah bertujuan untuk menilai keseluruhan impak (postif dan negatif) terhadap alam sekitar.

JAS Perlis menilai dan memproses Laporan EIA yang tertakluk di bawah Jadual 1, Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015. Manakala, Laporan EIA yang tertakluk di bawah Jadual 2 akan dinilai dan diproses oleh JAS Ibu Pejabat, Putrajaya.

Pada tahun 2021, JAS Perlis telah menerima dan meluluskan satu (1) permohonan Laporan EIA di bawah Jadual 1, Aktiviti Pengolahan dan Pelupusan Buangan, Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015. **Jadual 2.1** menunjukkan perbandingan Laporan EIA, Jadual 1 yang diterima dan diproses oleh JAS Perlis mengikut jenis aktiviti dari tahun 2016 hingga 2021.


Jadual 2.1: Laporan EIA, Jadual 1 yang diterima dan diproses oleh JAS Perlis mengikut jenis aktiviti dari tahun 2016 hingga 2021.

BIL	AKTIVITI YANG DITETAPKAN	TAHUN					
		2016	2017	2018	2019	2020	2021
1	Pertanian	0	1	0	0	0	0
2	Pengolahan dan Pelupusan Buangan	0	0	0	0	0	1
3	Pembangunan Estet Industri	1	1	0	0	0	0
4	Kuari	0	0	0	0	1	0

PENGUATKUASAAN PROJEK EIA

Penguatkuasaan projek EIA adalah untuk memastikan syarat-syarat kelulusan laporan EIA yang dikeluarkan kepada pemaju projek dipatuhi sepenuhnya supaya kesan aktiviti-aktiviti pembangunan kepada alam sekeliling dapat dikawal ke arah pembangunan lestari.

Sepanjang tahun 2021, JAS Negeri Perlis telah menjalankan sebanyak 34 siasatan penguatkuasaan pematuhan ke atas syarat-syarat kelulusan laporan EIA bagi 9 projek EIA di Negeri Perlis. Daripada 34 siasatan penguatkuasaan EIA tersebut, 24 siasatan adalah ke atas projek EIA di bawah Jadual 1 dan 6 siasatan ke atas projek EIA Jadual 2. Tindakan penguatkuasaan ke atas 9 projek EIA yang telah diambil oleh JAS Perlis adalah seperti **Rajah 2.5**.



Rajah 2.5: Tindakan Penguatkuasaan Projek EIA Sepanjang Tahun 2021



SISTEM PENGURUSAN KUALITI MS ISO 9001:2015

Pada tahun 2021, JAS Perlis tidak terlibat audit ke atas pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015. Namun, JAS Perlis melalui 2 orang pegawainya iaitu Puan Nurfitriyah Jazilahwani Binti Othman dan Puan Noorasmawati Binti Ariffin yang telah dilantik sebagai Juruaudit Kualiti Dalam MS ISO 9001:2015 telah menjalankan Audit Kualiti Dalam MS ISO 9001:2015 di JAS Kedah pada 18 Oktober 2021 dan 20 Oktober 2021.

Mesyuarat Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 telah dilaksanakan untuk memastikan pematuhan berterusan kepada pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 yang melibatkan skop Pemprosesan Laporan EIA dan Penguatkuasaan EIA. Sepanjang tahun 2021, sebanyak dua (2) mesyuarat Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 telah dilaksanakan di JAS Perlis.

Jadual 2.2: Jawatankuasa Pelaksana MS ISO 9001 : 2015
Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis

Pengerusi	: Ts. Mohamad Fitri Said
Penyelaras Pelaksana	: En. Mohd Rosli Mohd Nor
Pengurus Dokumen (PK-Kawalan Dokumen)	: En. Mohd Rosli Mohd Nor
Setiausaha	: Puan Nurfitriyah Jazilahwani Othman
Pegawai Penyelaras Maklumbalas dan Aduan Pelanggan (PK-Aduan Pelanggan EIA)	: Puan Nurfitriyah Jazilahwani Othman
Pegawai Pelaksana (PK-Pemprosesan EIA -Jadual Pertama)	: En. Mohd Rosli Mohd Nor
Pegawai Pelaksana (PK-Penguatkuasaan EIA)	: En. Mohd Sanip Saikol Bakhri Ahmad : Puan Nurfitriyah Jazilahwani Othman
Pegawai Pelaksana (PK-Pelantikan Individu)	: En. Mohd Rosli Mohd Nor : En. Mohd Sanip Saikol Bakhri Ahmad
Pegawai Pelaksana (PK-Pemprosesan Lesen)	: En. Mohd Jefri Zainuddin
Pegawai Pelaksana (PK-Pemprosesan KB)	: Puan Nurfitriyah Jazilahwani Othman
Pegawai Pelaksana(PK-Penguatkuasaan PYDT)	: En. Ahmad Ridzuandy Abdul Razak : Puan Noorasmawati Ariffin
Pegawai Pelaksana (PK-Perolehan)	: Puan Norshaniza Izani Rahimi
Pegawai Pelaksana (PK-Kawalan Rekod)	: En. Munauwar Mansor
Pegawai Pelaksana (PK- Latihan)	: Puan Suyati Kamin
Pegawai Pelaksana (PK- Penyelenggaraan Kenderaan)	: Puan Nor Anida Hassan
Pegawai Pelaksana (PK- Penyelenggaraan Komputer)	: En. Mohd Sharizan Ismail
Pegawai Pelaksana (PK-Pengurusan Risiko)	: En. Mohd Rosli Mohd Nor


BAB 3

KAWALAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR



ADUAN PENCEMARAN & HOTSPOT

JAS Negeri Perlis telah menerima sebanyak 60 aduan berhubung pencemaran sepanjang tahun 2021. Aduan pencemaran udara mencatatkan jumlah aduan tertinggi iaitu sebanyak 50 kes (83%), diikuti aduan pencemaran air sebanyak tujuh (7) kes (11%), satu (1) kes (2%) berkaitan bunyi bising, satu (1) kes (2%) berkaitan buangan terjadual dan lain-lain jenis aduan sebanyak satu (1) kes (2%).



Rajah 3.1 Jenis Aduan Pencemaran Yang Diterima Sepanjang Tahun 2021



Daripada 50 aduan pencemaran udara yang diterima, aduan pembakaran terbuka mencatatkan bilangan aduan yang paling tinggi iaitu sembilan belas (19) kes (76%). Aduan pencemaran habuk yang berpunca daripada projek pembinaan, industri dan bau busuk sampah sarap domestik sebanyak enam (6) kes (24%). Manakala, kesemua aduan pencemaran air yang diterima adalah berkaitan kes pembuangan efluen ke alur dan sungai-sungai utama negeri ini.


PROGRAM PENCEGAHAN PEMBAKARAN TERBUKA

Sebagai langkah kawalan dan pencegahan bagi menangani isu aduan pencemaran udara yang ketara, program rondaan mencegah pembakaran terbuka dijalankan sepanjang tahun 2021.


Di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 terdapat 16 aktiviti yang disenaraikan sebagai bukan pembakaran terbuka di bawah Perintah Kualiti Alam sekeliling (Aktiviti Yang Diisytiharkan)(Pembakaran Terbuka) 2003. Walau bagaimanapun ianya tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam perintah tersebut.

Bagi memastikan setiap peringkat masyarakat memahami mengenai larangan pembakaran terbuka, pogram dialog dan ceramah telah diadakan di samping edaran poster-poster serta hebahan larangan pembakaran terbuka. Terdapat juga aktiviti meletakkan papan tanda larangan melakukan pembakaran terbuka di beberapa lokasi strategik bagi tujuan peringatan kepada orang ramai. Hebahan larangan melakukan pembakaran terbuka juga dibuat melalui media massa, media elektronik dan *billboard*. Aktiviti ini masih lagi diteruskan sebagai salah satu usaha berterusan Jabatan ke arah melahirkan masyarakat yang prihatin terhadap keadaan alam sekeliling.



Pada tahun 2021, beberapa kes pembakaran terbuka telahpun dikesan oleh Jabatan ini. Bilangan kes yang dikesan mengikut jenis pembakaran bagi tahun 2021 adalah seperti dalam **Rajah 3.2**. Daripada jumlah tersebut, tindakan penguatkuasaan yang diambil adalah seperti dalam **Rajah 3.3**.



Rajah 3.2 : Carta Aduan Pembakaran Terbuka Yang Diterima Mengikut Jenis, 2021



Rajah 3.3 : Carta Tindakan Penguatkuasaan Terhadap Aduan Pembakaran Terbuka, 2021




KAWALAN & PENGUATKUASAAN PUNCA TETAP

Sepanjang tahun 2021, JAS Perlis telah melaksanakan 26 Operasi iaitu masing-masing sebanyak 12 Operasi Gempur, 12 Operasi Lembangan, satu (1) Operasi Tahun Baru Cina dan satu (1) Operasi Air Raya. Operasi Gempur (Ops Gempur) pertama tahun 2021 yang dilaksanakan dirasmikan oleh AMMK YB Teh Chai Aan pada 19 Januari 2021.


Sepanjang tahun 2021, sebanyak 426 lawatan pemeriksaan penguatkuasaan terhadap premis yang tertakluk di bawah AKAS 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya dilakukan mengikut Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) (**Rajah 3.4**).

Lawatan pemeriksaan penguatkuasaan ke atas premis yang beroperasi di Perlis yang dikelaskan sebagai Premis Yang Ditetapkan (PYDT) sebanyak 10 aktiviti pemeriksaan. Manakala bagi Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT) iaitu sebanyak 416 lawatan. Aktiviti pemeriksaan mengikut jenis industri adalah seperti **Rajah 3.5**.


JAS Perlis telah mengambil tindakan undang-undang terhadap premis yang melakukan kesalahan mengikut peruntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 iaitu 426 arahan di lapangan, 15 notis arahan, 15 kompaun dan satu (1) tindakan Perintah Larangan (PL) bagi tahun 2021. Tindakan penguatkuasaan yang telah diambil adalah merangkumi pelbagai kesalahan premis yang gagal mematuhi peraturan dan undang-undang di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 seperti **Rajah 3.6**.



Rajah 3.4: Bilangan Punca Pencemaran Mengikut Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di Perlis, 2021




Rajah 3.5: Bilangan Punca Pencemaran dan Pematuhan Mengikut Jenis Industri di Perlis, 2021



Rajah 3.6 : Bilangan Tindakan Penguatkuasaan Yang Telah Dikeluarkan, 2021

PENGURUSAN BUANGAN TERJADUAL (BT)


Pengeluar buangan terjadual yang aktif di Perlis telah direkodkan sehingga tahun 2021 berjumlah 322 premis seperti di **Rajah 3.7** dengan penghasilan buangan terjadual adalah sebanyak 1,781.053 metrik tan. Pelupusan buangan terjadual pada 2021 adalah sebanyak 1,482.132 metrik tan. Kuantiti buangan terjadual yang dihasilkan dan dilupuskan mengikut jenis buangan ditunjukkan di dalam **Jadual 3.1**.



Rajah 3.7 : Penghasilan Buangan Terjadual Pada 2021 Mengikut Jenis Industri

Jadual 3.1 : Kuantiti buangan terjadual yang dihasilkan dan dilupuskan mengikut jenis buangan, 2021

Kod Buangan	Kuantiti Yang Dihasilkan (MT)	Kuantiti Recovery /Lupus (MT)
SW102	0	0
SW103	0	0
SW104	0.212	0.146
SW109	0.133	0
SW110	11.35	10.48
SW204	0.701	0
SW206	0.146	0
SW301	0.6159	0.345
SW305	193.2	175.53
SW306	0.085	0
SW307	0.175	0.13
SW310	0	0
SW311	0.85	0
SW312	2.414	1.114
SW321	863.5	845.05
SW322	40.31	38.03
SW323	0.12	0
SW327	0.886	0.886
SW404	193.9	0
SW408	1.202	0
SW409	298.7	246.5
SW410	74.57	64.99
SW417	0.236	0
SW421	82.30	78.30
SW422	18.80	16.20
SW429	0.58	0.258
JUMLAH	1781.053	1482.132





PEMERIKSAAN PELEPASAN DARIPADA KENDERAAN BERMOTOR

JAS Perlis turut menjalankan penguatkuasaan ke atas pelepasan pencemaran dari kenderaan bermotor. Program penguatkuasaan dilaksanakan melalui operasi, rondaan dan siasatan penguatkuasaan. **Rajah 3.8** menunjukkan Statistik Operasi Unit Kenderaan Bermotor dari Tahun 2017 hingga Tahun 2021.

Kawalan Pelepasan Asap Hitam Kenderaan Diesel

Operasi penguatkuasaan ke atas asap hitam kenderaan diesel bagi tahun 2021 dijalankan melalui Operasi Statik dan Operasi Gerak (Ops Gerak) yang melibatkan penguatkuasaan bersepadu bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan lain-lain agensi.

Sebanyak 10 operasi kawalan pelepasan asap hitam kenderaan diesel telah dijalankan. Daripada operasi tersebut, sejumlah 83 buah kenderaan telah diuji. Sebanyak lima (5) tawaran kompaun dan 15 Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling telah dikeluarkan.


Bagi kenderaan yang tidak patuh, tawaran kompaun maksimum berjumlah RM2,000 akan dikeluarkan kepada pemilik-pemilik kenderaan yang didapati melepaskan asap melebihi had yang dibenarkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996. **Rajah 3.9** menunjukkan statistik kompaun, Notis Arahan dan Perintah Larangan dari Tahun 2017 hingga 2021 di Perlis.

Kawalan Pelepasan Gas Dari Kenderaan Petrol


Pada tahun 2021, sebanyak sembilan (9) buah kenderaan telah ditahan untuk diuji bagi mengawal pelepasan gas daripada kenderaan petrol melalui empat (4) operasi penguatkuasaan yang telah dijalankan. Aktiviti penguatkuasaan ini dijalankan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996. Hasil operasi ini, didapati semua kenderaan yang diuji mematuhi had pelepasan gas karbon monoksida (CO) dan hidrokarbon (HC) yang ditetapkan.

Kawalan Pelepasan Bunyi Bising Dari Motosikal

Sebanyak lapan (8) program kawalan bunyi bising motosikal telah dijalankan sepanjang tahun 2021. Program kawalan ini dijalankan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Sebanyak seratus empat (104) buah motosikal telah melalui pemeriksaan dan empat (4) buah daripadanya telah diuji. Hasil ujian didapati semua motosikal ini mematuhi had bunyi bising yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987.



Rajah 3.8: Statistik Operasi Unit Kenderaan Bermotor dari Tahun 2017 hingga Tahun 2021.



Rajah 3.9: Statistik kompaun, Notis Arahan dan Perintah Larangan dari Tahun 2017 hingga 2021

Kawalan Pelepasan Gas Dari Motosikal

Pada tahun 2021, sebanyak dua (2) operasi pelepasan gas daripada motosikal telah dijalankan. Sebanyak dua puluh enam (26) buah motosikal telah diuji dan didapati kesemua motosikal ini mematuhi had pelepasan karbon monoksida (CO) dan hidrokarbon (HC) yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003.

Ops Catat Dan Kamera Video

Pada Tahun 2021 sebanyak 217 Operasi Catat & Kamera Video telah dijalankan oleh JAS Perlis. Pemerhatian secara visual dijalankan di lokasi-lokasi yang telah dipilih dengan menggunakan kamera video bagi merakam kenderaan diesel yang melepaskan asap hitam secara berlebihan di jalanraya. Melalui pemerhatian secara visual, dua (2) buah kenderaan telah diarah hadir untuk pemeriksaan uji semula di PUSPAKOM di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Pemeriksaan Fleet Operator

Pengendali kumpulan atau *Fleet Operator (FO)* ialah syarikat, firma, pertubuhan atau seseorang yang mempunyai sejumlah sepuluh (10) unit atau lebih kenderaan berenjin diesel yang mempunyai berat dengan muatan (BDM) melebihi 3.5 tan. Sepanjang tahun 2021, sebanyak 19 program penguatkuasaan telah dijalankan bagi memastikan pematuhan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996.

Persampelan Minyak Petrol/ Diesel

Penguatkuasaan Kawalan Kandungan Petrol dan Diesel di jalankan bagi memastikan kualiti bahan bakar yang dipasarkan oleh semua stesen minyak adalah sentiasa mematuhi piawaian yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kandungan Petrol dan Diesel) (Pindaan) 2013.

Bagi Tahun 2021, JAS Perlis telah menjalankan lima (5) persampelan bahan bakar diesel EURO 5 sebanyak 1600ml dari setiap tangki di lima (5) buah stesen minyak di Negeri Perlis.

Program Khas (Operasi Gerak)

Ops Gerak dilaksanakan **secara bersepadu** bersama-sama agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan agensi lain yang berkenaan. Semua JAS Negeri telah diarahkan untuk menjalankan Operasi Gerak di peringkat Negeri dengan frekuensi satu (1) kali setiap bulan bagi meningkatkan penguatkuasaan ke atas pelepasan bahan pencemar daripada kenderaan bermotor. Bagi tahun 2021, JAS Perlis telah melaksanakan lapan (8) Operasi Gerak dengan kerjasama pihak agensi penguatkuasa.

Kawalan Terhadap Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL)

KYDL adalah suatu kemudahan yang diluluskan oleh JAS bagi menjalankan ujian pelepasan asap dan gas daripada kenderaan bermotor. KYDL ini dilengkapi dengan meter asap/gas dan dikendalikan oleh kakitangan terlatih, sepertimana ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996.

Terdapat hanya satu (1) premis KYDL di Negeri Perlis iaitu Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM) Jejawi. JAS Perlis menjalankan pemeriksaan audit dari semasa ke semasa bagi memantau dan memastikan kaedah ujian pelepasan asap dan gas yang dikendalikan di premis tersebut mematuhi peraturan yang telah ditetapkan selain bagi tujuan untuk perlanjutan tempoh sah sijil KYDL yang telah dikeluarkan. Sepanjang tahun 2021, sebanyak empat (4) pemeriksaan telah dijalankan terhadap premis ini.


Penguatkuasaan Peraturan 16

Bagi tahun 2021, Sebanyak 12 program penguatkuasaan Peraturan 16 telah dijalankan oleh JAS Perlis.

Sepertimana yang diperuntukan di bawah Peraturan 16, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996 dan Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003, mana-mana kenderaan motor dihidupkan semasa kenderaan motor itu tidak bergerak selama lebih daripada 3 minit dalam kawasan tertutup atau kawasan letak kereta separa tertutup atau mana-mana perhentian hendaklah dimatikan enjin.


Penguatkuasaan ini bertujuan untuk memerhati dan memantau kenderaan bermotor yang berhenti di kawasan tertutup, kawasan separa tertutup atau mana-mana perhentian yang tidak mematikan enjin sehingga melebihi 3 minit. Kawasan yang perlu dipantau adalah seperti kawasan parkir awam/ swasta dalam bangunan yang berbumbung atau di tingkat bawah tanah/ "*under ground level*", perhentian bas (terbuka atau tertutup atau separa tertutup), parkir dalam bangunan yang separa tertutup dan sebagainya.





BAB 4

PEMANTAUAN KUALITI ALAM SEKITAR



Aktiviti-aktiviti pengawasan yang dijalankan oleh JAS Perlis merangkumi pengawasan kualiti air sungai, air tanah, air marin dan udara. Tujuan utama aktiviti pengawasan ini dijalankan adalah bagi memantau kualiti alam sekitar di Negeri Perlis serta panduan kepada Jabatan dalam merangka aktiviti penguatkuasaan yang dilaksanakan di negeri ini.


PENGAWASAN KUALITI UDARA

JAS memantau kualiti udara ambien melalui rangkaian 52 stesen pengawasan kualiti udara automatik di seluruh negara. Stesen pengawasan udara ini terletak di lokasi strategik di kawasan bandar, pinggir bandar dan industri untuk mengesan sebarang perubahan ketara kepada status kualiti udara sesuatu tempat atau kawasan yang mungkin memudaratkan kesihatan manusia dan alam sekitar.

Di Perlis, stesen pemantauan kualiti udara automatik terletak di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kangar, Padang Behor, Mukim Sena, Perlis. Stesen pemantauan kualiti udara ini berfungsi memantau kualiti udara di Negeri Perlis secara berterusan (24 jam).


Status Kualiti Udara

Pengukuran kualiti udara adalah melalui pengiraan Indeks Pencemar Udara (IPU). Nilai IPU dikira berdasarkan kepekatan purata setiap pencemar udara iaitu sulfur dioksida (SO_2), carbon monoksida (CO), nitrogen dioksida (NO_2), ozon (O_3) dan pepejal terampai bersaiz kurang 10 mikron (PM10). Pencemar udara yang dominan dengan kepekatan tertinggi diambil kira sebagai pencemar yang akan menentukan nilai IPU. Pada lazimnya, kepekatan habuk halus (PM10) adalah yang tertinggi berbanding dengan pencemar yang lain dan ini menentukan bacaan IPU.




Rajah 4.1: Petunjuk Status Kualiti Udara di Malaysia

Secara keseluruhannya, status kualiti udara di Negeri Perlis adalah baik sepanjang Tahun 2021. Status IPU di stesen pengawasan udara automatik di Kangar mencatatkan 259 hari kualiti udara baik (71 peratus) dan 106 hari kualiti udara sederhana (29 peratus). Status kualiti udara sesuatu keadaan sepertimana ditunjukkan dalam **Rajah 4.1**. Manakala status kualiti udara di Perlis mengikut bulan sepanjang tahun 2021 adalah seperti di **Rajah 4.2**.



Rajah 4.2: Bacaan Purata IPU Negeri Perlis, 2021



Rajah 4.3: Bacaan Bilangan Hari Status IPU Negeri Perlis, 2021

PENGAWASAN KUALITI AIR SUNGAI



Aktiviti pengawasan kualiti air sungai di Negeri Perlis meliputi 15 stesen pemantauan yang terletak di sepanjang Lembangan Sungai Perlis iaitu Sungai Perlis, Sungai Ngulang, Sungai Jernih, Sungai Jarum, Sungai Pelarit, Sungai Serai, Sungai Kok Mak, Terusan MADA, Sungai Arau, Sungai Tasoh dan Taman Negeri Wang Kelian. Indeks Kualiti Air (IKA) digunakan sebagai asas untuk menilai hubungkait sungai dengan kategori beban pencemar dan pengelasan kegunaan air. IKA adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 4.1**.


Parameter yang digunakan bagi pengiraan IKA adalah seperti berikut:

- i. Keperluan Oksigen Biokimia (BOD)
- ii. Keperluan Oksigen Kimia (COD)
- iii. Oksigen Terlarut (DO)
- iv. Keasidan (pH)
- v. Pepejal Terampai (SS)
- vi. Ammoniakal Nitrogen (NH_3N)

Jadual 4.1: Pengelasan Air dan Kegunaan Air

Kelas	IKA	Kegunaan Air
Kelas I	>92.7	Dalam keadaan semulajadi
Kelas IIA	85.0 - 92.7	Air memerlukan rawatan konvensional
Kelas IIB	76.5 - 85.0	Air boleh digunakan untuk rekreasi
Kelas III	51.9 - 76.5	Air memerlukan rawatan intensif
Kelas IV	31.0 - 51.9	Hanya untuk tujuan pengairan. Kualiti air sederhana
Kelas V	<31.0	Air tercemar teruk

Bacaan IKA untuk 15 stesen pada tahun 2021 menunjukkan empat (4) anak sungai berada dalam Kelas I, 9 anak sungai didapati berada di dalam Kelas II. **Rajah 4.4** menunjukkan titik persampelan bagi stesen pengawasan kualiti air sungai di Negeri Perlis. **Jadual 4.2** pula menunjukkan kualiti air sungai bagi tahun 2021.



Rajah 4.4: Titik Persampelan Bagi Pengawasan Kualiti Air Sungai Negeri Perlis


Jadual 4.2: Status Kualiti Air Sungai di Perlis, 2021

Nama Stesen Pengawasan Sungai	IKA 2020	Status Kualiti	Kelas
Sungai Perlis (1RPLS001)	77	Clean	II
Sungai Ngulang (1RPLS002)	91	Clean	II
Sungai Serai (1RPLS003)	85	Clean	II
Sungai Jernih (1RPLS004)	92	Clean	II
Sungai Jernih (1RPLS005)	94	Clean	I
Sungai Jarum (1RPLS006)	90	Clean	II
Sungai Kok Mak (1RPLS007)	87	Clean	II
Sungai Pelarit (1RPLS008)	94	Clean	I
Wang Kelian (1RPLS009)	94	Clean	I
Terusan Mada (1RPLS010)	90	Clean	II
Terusan Mada (1RPLS011)	86	Clean	II
Sungai Arau (1RPLS012)	86	Clean	II
Sungai Korok (1RPLS013)	77	Clean	II
Sungai Arau (1RPLS014)	91	Clean	II
Empangan Timah Tasoh (1RPLS015)	94	Clean	I




PENGAWASAN KUALITI AIR TANAH

Pada tahun 2021, sebanyak 16 percontohan sampel air tanah telah dijalankan ke atas empat (4) stesen pengawasan di Perlis iaitu dua (2) stesen di Sekolah Menengah Dato' Sheikh Ahmad, Arau, (R4A dan R4B), satu (1) stesen di Felda Rimba Mas, (R3) dan satu (1) di Chuping, (R6). Pengawasan kualiti air tanah adalah penting bagi memantau pergerakan dan juga pencemaran air bawah tanah. Aktiviti pengawasan kualiti air tanah ini dilakukan setiap 3 bulan.



Rajah 4.5: Titik Persampelan Bagi Pengawasan Kualiti Air Tanah di Negeri Perlis


Secara keseluruhannya kualiti air tanah di Perlis adalah baik dan berada di bawah paras piawai yang ditetapkan. Bacaan parameter beban pencemar air tanah di Perlis pada tahun 2021 adalah seperti **Rajah 4.6**.



Rajah 4.6: Purata Kandungan Logam Berat dan Jumlah Pepejal Terlarut di Stesen Pengawasan Kualiti Air Tanah di Perlis, 2021

PENGAWASAN KUALITI AIR MARIN

Terdapat dua (2) stesen pengawasan kualiti air marin di Perlis iaitu terletak di Kuala Sungai Perlis dan Kuala Sungai Baru. JAS melalui syarikat konsesi yang dilantik, Pakar Scieno TW Sdn. Bhd. (PSTW) telah menjalankan aktiviti pengawasan kualiti air marin sepanjang tahun 2021 dengan 12 frekuensi bagi kedua-dua stesen di Kuala Sungai Perlis dan Kuala Sungai Baru ini. Pengawasan marin meliputi kerja-kerja pengukuran in-situ dan analisa di makmal adalah penting bagi pengiraan Indeks Kualiti Air Marin (IKAM) di samping mengenalpasti punca pencemar dari daratan yang masuk ke laut dan sebaliknya yang boleh menjejaskan kestabilan dan kepelbagaian ekosistem marin.



Rajah 4.7 : Titik Persampelan Bagi Pengawasan Kualiti Air Marin

Di Perlis, pengawasan kualiti air marin hanya dijalankan di kuala sungai yang tertakluk di bawah Kelas E3, Standard Kualiti Air Marin Malaysia seperti dalam **Jadual 4.3**.


Jadual 4.3 : Standard Kualiti Air Marin Malaysia

PARAMETER ($\mu\text{g/l}$) melainkan dinyatakan sebaliknya	KLASIFIKASI					
	KELAS 1	KELAS 2	KELAS 3	INTERIM KELAS E1	INTERIM KELAS E2	INTERIM KELAS E3
	Habitat Marin Sensitif	Perikanan (Termasuk Marikultur)	Industri, Aktiviti Komersial & Kawasan Kediaman Pesisir Pantai	Muara Sungai		
				Dataran Pantai	Lagun	Rangkaian Kompleks
Oksigen Terlarut (mg/l)	<6.0	>5.0	>3.0	>5.0	>5.0	>5.0
Jumlah Pepejal Terampai (mg/l)	25.0	50.0	100.0	30.0	30.0	30.0
Fosfat	5.00	75.0	670.0	100.0	180.0	180.0
Nitrat	10.0	60.0	700.0	200.0	570.0	430.0
Ammonia	35.0	50.0	320.0	5.0	10.0	10.0
Merkuri	0.04	0.04	0.04	0.04	0.04	0.04
Kadmium	0.50	2.00	3.00	1.00	1.00	1.00
Kromium (VI)	0.14	10.0	20.0	10.0	10.0	10.0
Kuprum	1.30	2.90	8.00	1.00	1.00	1.00
Sianida	2.00	7.00	14.0	5.00	5.00	5.00
Plumbum	2.20	8.50	12.0	1.30	2.00	2.00
Zink	7.00	50.0	100.0	16.0	5.00	5.00
Arsenik (III)	1.00	3.00	3.00	3.00	1.00	1.00
Aluminium	27.00	27.00	55.00	27.00	27.00	27.00
TBT	0.001	0.010	0.050	0.002	0.002	0.002
PAH	100.0	200.0	1000.0	5.00	5.00	5.00
Jumlah Fenol	1.00	10.00	100.0	10.0	10.0	10.0
Minyak & Gris (mg/l)	0.01	0.14	5.00	1.00	1.00	1.00
<i>Faecal Coliform</i> (Cfu/100ml)	70	70	70	70	70	70
Suhu ($^{\circ}\text{C}$)	$\leq 2^{\circ}\text{C}$ bertambah melebihi ambien maksimum					
pH	6.5 - 9.0					
<i>Marine Litter</i>	Bebas dari <i>marine litter</i>					

Jadual 4.4 menunjukkan Indeks Kualiti Air Marin Tahun 2021 bagi stesen di Perlis, manakala **Rajah 4.8** menunjukkan purata kandungan logam berat di stesen pengawasan kualiti air marin di Perlis bagi tahun 2021.

Jadual 4.4 : Indeks Kualiti Air Marin Tahun 2021 bagi stesen di Perlis

NEGERI	KLASIFIKASI STESEN	LOKASI	NOMBOR STESEN LAMA	NOMBOR STESEN BARU	NILAI IKAM					KATEGORI (2021)
					2017	2018	2019	2020	2021	
Perlis	Muara Sungai/ Estuary	Kuala Sungai Baru	6201902	MMRE001	64	70	50	62	55	Sederhana
		Kuala Sungai Perlis	6401901	MMRE002	64	66	58	56	59	Sederhana



	TSS	O&G	As	Cd	Cr	Cu	Pb	Hg
■ Kuala Sungai Baru	42	2.5	2	1	10	2	3.5	0.04
■ Kuala Sungai Perlis	79	2	2	1	10	1	2	0.04
■ Piawai	100	0.14	0.02	0.002	0.01	0.0029	0.0085	0.0005

Rajah 4.8: Purata Kandungan Logam Berat di Stesen Pengawasan Kualiti Air Marin Di Negeri Perlis, 2021

BAB 5

PENDIDIKAN & KESEDARAN ALAM SEKITAR




Pendidikan dan kesedaran alam sekitar merupakan antara elemen yang sangat penting kerana ia menjadi tunjang bagi memastikan penguatkuasaan yang berkesan dapat dilaksanakan. Dengan adanya pendidikan dan kesedaran alam sekitar tentang kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar kepada setiap lapisan masyarakat secara menyeluruh maka DASN akan dapat mencapai tujuannya. Melalui program dan aktiviti kesedaran yang telah dilaksanakan, masyarakat telah didedahkan tentang usaha kerajaan bagi memastikan alam sekitar yang bersih, selamat, produktif dan sumber semulajadi dapat diwarisi kepada generasi pada masa hadapan. Selain itu, dengan adanya program kesedaran alam sekitar secara berterusan masyarakat dapat dibentuk bagi membudayakan cara hidup serta penggunaan sumber serta pengeluaran yang lestari.

Selaras dengan tema “*Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama*”, maklumat mengenai kesedaran alam sekitar akan disampaikan kepada setiap golongan sasaran disebarluaskan di dalam masyarakat. Pelbagai bentuk hebahan telah dibuat melalui media massa, elektronik dan bercetak serta memperluaskan hebahan melalui media sosial bagi memastikan hasrat ini dicapai dalam aspek penjagaan dan pengurusan alam sekitar secara holistik.

CERAMAH & TAKLIMAT


Sepanjang tahun 2021, sebanyak 20 siri ceramah melibatkan institusi sekolah dan masyarakat umum. Pelbagai topik ceramah diberikan mengikut kesesuaian kumpulan sasaran bagi memberi gambaran jelas tentang bidangkuasa, fungsi dan peranan JAS kepada orang ramai. Antara topik yang sering diberikan adalah berkaitan pencemaran alam sekitar secara umum, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 dan pengurusan sisa buangan elektrik dan elektronik dari rumah. Tren ceramah yang telah dilaksanakan oleh JAS Perlis adalah seperti **Rajah 5.1**.



Rajah 5.1: Bilangan ceramah dan taklimat di JAS Perlis, 2017 - 2021

PAMERAN

Sepanjang tahun 2021, JAS Perlis telah menyertai tujuh (7) pameran yang telah dianjurkan oleh pelbagai agensi swasta, kerajaan, sekolah dan komuniti di sekitar Perlis. Pelbagai aktiviti diadakan sepanjang program pameran kepada orang ramai, antaranya membuka keahlian Rakan Alam Sekitar kepada para pengunjung, pameran dan kuiz alam sekitar serta penerangan tentang fungsi dan peranan JAS serta tanggungjawab orang ramai di dalam pemeliharaan alam sekitar. **Rajah 5.2** menunjukkan bilangan pameran yang telah dilaksanakan oleh JAS Perlis bagi tahun 2017 hingga 2021.



Rajah 5.2: Bilangan Pameran yang Dilaksanakan Oleh JAS Perlis, 2017-2021



SAMBUTAN HARI BERKAITAN ALAM SEKITAR



22 April telah diisytiharkan sebagai Hari Bumi di seluruh dunia. Sempena sambutan ini, pelbagai program dan aktiviti telah diadakan bagi menterjemahkan pemahaman setiap individu dan kumpulan masyarakat tentang kepentingan penjagaan alam sekitar.

Tema sambutan Hari Bumi bagi tahun 2021 adalah "*Pulihkan Bumi Kita*", mengajak seluruh masyarakat dunia untuk mengambil tindakan dalam membina alam sekitar yang lestari. JAS Perlis dengan kerjasama beberapa agensi dan IPT telah mengadakan beberapa program iaitu Pembuatan Mudball bersama pelajar UniMAP, Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak Tadika Annur JAIPs, Program Komuniti Pencegahan Pembakaran Terbuka, Kempen Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik serta pameran.

Hari Alam Sekitar Sedunia disambut pada 5 Jun setiap tahun dengan membawa tema yang tersendiri sebagaimana yang telah ditetapkan oleh United Nations Environment Programme (UNEP). Bermula pada tahun 1972, ia telah menjadi sambutan utama seluruh dunia dalam meningkatkan tahap kesedaran masyarakat dunia terhadap isu alam sekitar serta mempertingkatkan tindakan dan penglibatan terhadap perubahan alam sekitar.



Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia pada tahun 2021 telah diadakan pada 10 Jun 2021 dengan slot wawancara dalam Segmen "*Coffee Talk Hari Alam Sekitar Sedunia*" secara maya bersama UniMAP & COSCEM. Wawancara ini telah disempurnakan oleh wakil JAS Perlis, Puan Faiizah binti Md Arshad. Bersempena itu juga, Kempen Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik, Kuiz Alam Sekitar dan hebahan sambutan turut dijalankan melalui saluran radio Perlis.fm.



Hari Perlindungan Lapisan Ozon Sedunia disambut pada 16 September pada setiap tahun di seluruh dunia bagi memperingati Protokol Montreal yang telah ditandatangani pada tahun 1987. *Montreal Protocol: Keeping Us, Our Food And Vaccines Cool* telah digunakan sebagai tema sambutan bagi tahun 2021.

Sehubungan itu, JAS Perlis telah mengadakan empat (4) program sempena sambutan Hari Ozon Sedunia sepanjang September 2021. Program tersebut adalah Program Penghijauan Malaysia (Negeri Perlis), Program Penanaman Pokok, Wawancara Radio, Kuiz Ozon Online dan Pertandingan Video Ucapan Kreatif.



Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) dianjurkan bermula tahun 2016 di mana ia dijenamakan semula dari sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM). Ia merupakan salah satu elemen pembaharuan dalam sambutan berkaitan bagi meningkatkan rasa kecintaan kepada alam sekitar dan dijadikan agenda nasional dengan penglibatan secara menyeluruh agensi kerajaan, swasta serta pihak-pihak berkepentingan melalui kerjasama pintar dan strategik serta Rakan MoU Jabatan Alam Sekitar di seluruh negara.

Sempena sambutan HASN Peringkat Negeri Perlis Tahun 2021, JAS Perlis telah menganjurkan program Perasmian Sambutan Hari Alam Sekitar Negara peringkat Negeri Perlis yang merangkumi aktiviti Pelancaran Modul Kelab Alam Sekitar Sekolah, Penyampaian hadiah bagi Pertandingan Bercerita Sekolah Rendah dan Pertandingan *#FunVirtualFishing* JAS Perlis.

Program lain yang turut diadakan adalah Program Komuniti Pembakaran Terbuka Bersama Komuniti Sungai Batu Pahat dengan aktiviti perkhemahan Komuniti Sungai Batu Pahat, pengindahan, kembara malam dan menelusuri trek di Kawasan Rekreasi Bukit Ayer. Selain itu, usahasama dengan pihak swasta juga dianjurkan dengan Webinar Hari Alam Sekitar Negara Bersama CIMA Industries Sdn Bhd.

Program dilaksanakan dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan Majlis Keselamatan Negeri (MKN) dengan semua peserta diperiksa suhu, merekodkan kehadiran melalui MySejahtera, serta penggunaan penutup separuh muka dan penggunaan *hand sanitizer* sepanjang program diadakan.

Sambutan Hari Bumi



Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia

Coffee Talk:

HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA 2021

10 JUN 2021
KHAMIS
10.00 PAGI

TEMA: PEMULIHAN EKOSISTEM

DR. SARA YASINA YUSOF
PENYARAH KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

EN. AG SHAFFIE AG AHMADNI
PENGARAH
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERLIS

PN. FAIZAH MD ARSHAD
PEN. PEG. KAWALAN ALAM SEKITAR
JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PERLIS

PUAN ROSNANI NAZRI
PENYARAH KANAN UTM /
PENASAS TRASH HERO PERLIS

meet.google.com/vsc-mikk-gme

https://www.facebook.com/UniMAM

SustanaSiC Campus

Hebahan Radio @ Perlis.fm

Hari Alam Sekitar Sedunia 2021

"PEMULIHAN EKOSISTEM"

8 Jun 2021

Pen. Peg Kawalan Alam Sekitar Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis: Pn. Faizah

Sambutan Hari Ozon Sedunia

2021.09.17 09:10

PENYAMPAIAN HADIAH

Pertandingan Video Ucapan Kreatif

SEMPENA HARI OZON SEDUNIA 2021
PERINGKAT NEGERI PERLIS

21 JANUARI 2022
JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PERLIS

MONTRÉAL PROTOCOL
KEEPING US, OUR FOOD AND VACCINES COOL
16 SEPTEMBER 2021

WAWANCARA @ PERLIS.FM

HARI OZON SEDUNIA PERINGKAT NEGERI PERLIS

23 September 2021
12:15 tengah hari

Disiarkan: Ts. Mohamad Fitri bin Said
PENGKALIAN
JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PERLIS

Jabatan Alam Sekitar
September 23, 2021

Wawancara Radio Perlis FM Bersama Pengarah JAS Perlis, Tuan Ts. Mohamad Fitri bin Said Sempena Sambutan Hari Ozon Peringkat Negeri Perlis Tahun 2021.

HARI OZON SEDUNIA 2021
SEMPENA 10 BERTAHUN 1972 DAN 50 TAHUN JAWABAN ALAM SEKITAR NEGERI PERLIS

PerlisFM Meet Live
September 23, 2021

KUIZ OZON ONLINE SEMPENA
SAMBUTAN HARI OZON SEDUNIA 2021
PERINGKAT NEGERI PERLIS

16 September - 10 Oktober 2021
7 - 12 tahun

Kisik link ke untkn homepage
<https://forms.gle/mG3MRhKvWwV6k93>




MAJLIS PERASMIAN
HARI ALAM SEKITAR NEGARA
PERINGKAT NEGERI PERLIS
 Disempurnakan oleh
DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA
IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAH
RAJA MUDA PERLIS
 13 November 2021
 Bukit Ayer Resort, Sungai Batu Pahat, Kangar, Perlis



Pertandingan BER-CERITA
Sekolah Rendah




HARI ALAM SEKITAR NEGARA CIMA 2021
 ISNIN / 22 NOV 2021
PROGRAM-PROGRAM

Webinar & Kuis: Pengurusan Sisa Buangan (Masa Bilik)	22 Nov 2021 / 09:30 Pagi
Pengumpulan Sisa Minyak/Terpaik (MMT)	22 - 26 Nov 2021 CIMA HQ @ Perada PLUS
Laluan Keindahan Pengurusan Sisa Buangan Bergedai dan Sisa Buangan Isi Rumah	22 Nov 2021 UPC Nelan
	W4 Nov 2021 NSCI Perlis
	23 Nov 2021 UPC Sg Bess
	21 Dec 2021 NSCI Bahau
	24 Nov 2021 UPC Labu

HADIAH DAN BAUCAR MENARIK MENANTI ANDAH!
 Pendaftaran Webinar & Kuis akan dibuka pada 19 Nov 2021



PROGRAM

Pengumpulan Buangan Elektrik & Elektronik

#ewaste
"E-waste Dikitar, Bumi Terpelihara"
"Ayuh Kumpul 800 tan e-waste"

Majlis Pelancaran Kempen Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik Peringkat Kebangsaan telah diadakan pada 23 September 2020 oleh Yang Berhormat Menteri Alam Sekitar dan Air, YB Dato' Tuan Ibrahim Tuan Man. Kempen tersebut diteruskan sepanjang tahun 2021 dengan mengadakan pengumpulan pada hari Sabtu terakhir setiap

bulan. Hasil daripada aktiviti yang telah dijalankan, JAS Perlis telah berjaya mengumpul e-Waste sebanyak 2580.8 kg.

Beberapa aktiviti diadakan bagi kempen ini iaitu:

- i. Hari Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik Peringkat Negeri Perlis pada setiap hari Sabtu terakhir setiap bulan sepanjang tahun 2021.
- ii. Hari Air Sedunia (27 Mac)
- iii. Hari Bumi (24 April)
- iv. Hari Alam Sekitar Sedunia (26 Jun)
- v. Hari Ozon Sedunia (25 Spetember)
- vi. Hari Alam Sekitar Negara (25 Oktober)
- vii. Kempen Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik di Kampung Siam Jejawi (28 Disember)



Program DSK dilaksanakan bagi menangani cabaran sosioalam sekitar menerusi pengurusan dan penggunaan alam secara lestari, demi memelihara dan memulihara keindahan sungai, sekali gus mengawalnya daripada risiko serta aktiviti pencemaran. JAS merangka program dengan strategi tindakan pencegahan pencemaran melalui pendekatan kawalan di punca penyelesaian secara *nature-based*. Bagi menjayakannya, beberapa sungai di setiap negeri dikenal pasti dipilih untuk menjayakan program DSK di seluruh negara.

Program
**DENAI SUNGAI
 KEBANGSAAN**
 JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PERLIS

Di Perlis, beberapa aktiviti kesedaran alam sekitar telah dijalankan bagi program ini iaitu:

- i. Aktiviti kesedaran alam sekitar sempena Hari Air Sedunia di Sungai Repoh, Kangar.
- ii. Pemantauan kualiti air sungai di Sungai Arau, Arau.
- iii. Pertandingan Memancing di sepanjang Sungai Perlis sempena HASN.



SLAAS merupakan satu usaha JAS secara berterusan bagi membentuk persekitaran sekolah yang menitikberatkan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar yang merangkumi aspek pengurusan, kurikulum, ko-kurikulum dan penghijauan.

Selain itu terdapat juga elemen khas sebagai tambahan yang diambil kira semasa penilaian boleh menggambarkan keberhasilan di dalam pelaksanaan SLAAS di sekolah. SLAAS amat menitikberatkan komitmen dan kerjasama semua warga sekolah, komuniti setempat dan rakan-rakan kerjasama yang turut sama membantu di dalam melestarikan alam sekitar di dalam kawasan sekolah dan persekitarannya.

Pada tahun 2021, JAS Perlis telah mengadakan program promosi bagi menggalakkan penyertaan dari sekolah-sekolah di negeri Perlis. Memandangkan negara masih dalam fasa pandemik dalam memerangi Covid-19, tarikh bagi penyertaan SLAAS untuk sesi tahun 2020/2022 telah dilanjutkan sehingga bulan Mei 2022.



Rakan Alam Sekitar (RAS) merupakan program *out-reach* yang telah dilancarkan pada 4 Jun 2009 bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat di dalam aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar serta membantu mencegah kegiatan-kegiatan yang mendatangkan pencemaran alam sekitar. Program RAS ini adalah berbentuk *community based* dan *hands-on* melibatkan pemimpin masyarakat, penduduk setempat, generasi muda dan dewasa, badan bukan kerajaan (NGO), pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi serta pihak industri.

KAMI MAHU GAYA HIDUP LESTARI WE WANT A SUSTAINABLE LIFESTYLE

Keahlian Rakan Alam Sekitar

Bagi Tahun 2021, JAS Perlis telah berjaya mendaftarkan 498 ahli baru menjadikan jumlah keseluruhan keahlian RAS di Perlis sebanyak 4906 orang.

Bagi memastikan ahli RAS sentiasa dekat dengan JAS, beberapa program telah dijalankan oleh JAS Perlis bersama ahli RAS sepanjang tahun 2021. Antaranya:

- i. Program penanaman pokok sempena sambutan Hari Ozon Sedunia 2021.
- ii. Sumbangan Bubur lambuk Ramadhan sempena Hari Bumi 2021.
- iii. Program *World Clean Up Day* di Kampung Seberang Ramai, Kuala Perlis.
- iv. Program Kutip Sampah Sambil Riadah (KUDAH) sempena sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2021.
- v. Pertandingan RAS Jom Pi Mengai sempena HASN 2021.



PENERBITAN

Sepanjang tahun 2021, JAS Perlis telah menerbitkan satu (1) Laporan Tahunan, satu (1) siri Buletin JAS Perlis dan 52 bahan hebahan berbentuk poster, sepanduk (banner), latarbelakang (backdrop), video dan buku secara elektronik. Kesemua bahan penerbitan ini telah diterbitkan melalui portal *Enviro Knowledge Management Centre* (EKMC) yang memaparkan semua bahan penerbitan oleh JAS seluruh negara.

Selain itu, JAS Perlis turut melaporkan semua aktiviti yang dianjurkan dan disertai oleh JAS Perlis ke dalam portal *EnviroMuseum* (eMuseum). Berikut adalah jumlah bahan penerbitan yang telah dikeluarkan oleh JAS Perlis pada tahun 2021.



Rajah 5.3 : Jumlah Bahan Penerbitan Yang Telah Dikeluarkan Oleh JAS Perlis, 2021



LATIHAN INDUSTRI

Pada tahun 2021, JAS Perlis telah menerima seramai tujuh (7) orang pelajar latihan industri yang terdiri daripada pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi awam. Kesemua pelajar ini telah ditempatkan di semua unit yang terdapat di JAS Perlis mengikut jadual yang telah ditetapkan. Ini bagi memberikan pendedahan kepada setiap pelajar tentang bidang tugas JAS secara langsung, melibatkan penguatkuasaan AKAS 1974, memahami garis panduan, prosedur operasi standard, mempelajari penggunaan peralatan dalam kerja-kerja penguatkuasaan dan pengawasan alam sekitar serta tatacara pengurusan acara, program dan aktiviti di bawah seliaan Unit Pendidikan JAS Perlis.

PERPUSTAKAAN

Perpustakaan JAS Perlis mempunyai koleksi bahan-bahan rujukan yang merangkumi pelbagai buku seperti buku-buku teknikal, modul kursus, terbitan bersiri/jurnal, garis panduan, risalah-risalah berkaitan isu alam sekitar dan lain-lain bahan berkaitan alam sekitar terbitan dari dalam dan luar negara. Perpustakaan ini juga terbahagi kepada beberapa sudut iaitu EIA, sudut perundangan, laporan tahunan dan lain-lain buku rujukan.

Perpustakaan JAS Perlis telah meneruskan usaha bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dengan menyediakan keperluan rujukan dan maklumat berkaitan pengurusan alam sekitar untuk warga JAS serta pihak tertentu yang berdaftar. Ia turut menjadi tempat tumpuan pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta sekolah sebagai sumber rujukan pengajian mereka.

Sehubungan itu, beberapa siri pengemaskinian perpustakaan JAS Perlis telah dijalankan bagi mewujudkan ruang pembelajaran yang lebih dinamik dan kondusif kepada para pengunjung.



Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis

Tingkat 2, Bangunan KWSP,
Jalan Bukit Lagi,
01000 Kangar, Perlis.

www.doe.gov.my

